



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196
Fax: 26911436

Ruj. Kami: (50) lln KKM-87(P20/SDS) Bkg-9

Tarikh: 14.10.2002

Pengarah Kesihatan Negeri _____

Pengarah,
Hospital Kuala Lumpur.

Pengarah,
Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Pengarah,
Hospital Universiti Sains Malaysia.

Pengarah,
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.

Y Bhg, Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 11/2002

GARISPANDUAN PENYERAGAMAN KEISTIMEWAAN PENDERMA DARAH DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN DAN HOSPITAL-HOSPITAL UNIVERSITI

1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk mewujudkan satu sistem pelaksanaan pemberian keistimewaan/ insentif kepada penderma darah yang lebih berkesan di semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Hospital-hospital Universiti.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Untuk makluman, jumlah penderma darah di hospital kerajaan bagi tahun 2001 adalah 384,711 berbanding dengan 361,898 bagi tahun 2000, iaitu peningkatan sebanyak 6.3 %
- 2.2. Penderma darah tetap adalah tulang belakang bagi membekalkan darah yang selamat dan mencukupi.
- 2.3. Pendermaan darah adalah satu amalan yang mulia. Walau bagaimanapun ianya ialah secara sukarela dan KKM memberikan beberapa insentif sebagai satu tanda penghargaan
- 2.4. Pada masa ini, keistimewaan yang diberi adalah berbeza-beza di antara hospital KKM dan Hospital Universiti. Untuk mengatasi kekeliruan ini satu

perbincangan di antara pihak KKM dan pihak Universiti telah diadakan bagi menyeragamkan keistimewaan tersebut.

3. PENYERAGAMAN KEISTIMEWAAN

Pihak Universiti bersetuju dengan keistimewaan yang disenaraikan dalam buku sijil (Buku Derma Darah) iaitu Perkhidmatan Pemindahan Darah Kebangsaan (PPDK 9/Pin 4/99) selaras dengan surat Kementerian Kesihatan Bil.(30) dlm KKM – 203/442 bertarikh 15 Julai 1996.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

5. PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya, Pengarah Hospital Universiti Sains Malaysia dan Pengarah Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia adalah bertanggungjawab memantau supaya garis panduan ini diedarkan ke semua hospital di bawah pentadbiran YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/Puan.

6. PERTANYAAN


Sekiranya terdapat pertanyaan, sila rujuk kepada Kementerian di alamat berikut:

Pengarah Perkembangan Perubatan,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Yang Ikhlas,



(TAN SRI DATU DR. HAJI MOHAMAD TAHA BIN ARIF)
Ketua Pengarah Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Setiausaha,
Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur.

**GARISPANDUAN PENYERAGAMAN KEISTIMEWAAN PENDERMA DARAH
DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN DAN
HOSPITAL-HOSPITAL UNIVERSITI**

1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk mewujudkan satu sistem pelaksanaan pemberian keistimewaan/ insentif kepada penderma darah yang lebih berkesan di semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hospital-hospital Universiti.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Untuk makluman jumlah penderma darah di hospital kerjaan bagi tahun 2001 adalah 384,711 berbanding dengan 361,898 bagi tahun 2000 iaitu peningkatan sebanyak 6.3%.
- 2.2. Penderma darah tetap adalah tulang belakang bagi membekalkan darah yang selamat dan mencukupi.
- 2.3. Pendermaan darah adalah satu amalan yang mulia dan sukarela tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Walau bagaimanapun, Kementerian memberikan beberapa insentif kepada penderma darah bergantung kepada kekerapan mereka menderma darah. Insentif-insentif ini adalah merupakan sebagai satu tanda penghargaan dan bukanlah bertujuan sebagai ganjaran senilai dengan darah yang didermakan.
- 2.4. Pada masa sekarang keistimewaan penderma darah adalah berbeza-beza di antara Hospital KKM dan Hospital Universiti.
- 2.5. Ini mengelirukan penderma-penderma darah mengenai keistimewaan yang didapati di kedua-dua hospital di atas.
- 2.6. Berpunca dari kekeliruan dan rungutan daripada penderma-penderma darah mengenai keistimewaan yang diberikan kepada mereka, satu perbincangan telah diadakan bersama pihak KKM dan pihak Universiti (Universiti Malaya Medical Centre, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia) untuk menyeragamkan keistimewaan tersebut.
- 2.7. Pihak Universiti bersetuju untuk mengikut seperti apa yang terdapat dalam buku sijil (Buku Rekod Derma Darah) iaitu Perkhidmatan Pemandahan Darah Kebangsaan (PPDK 9/Pin 4/99) selaras dengan surat Kementerian Kesihatan Bil.(30)d/m KKM – 203/42 bertarikh 15 Julai 1996.

3. ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PEMBERIAN KEISTIMEWAAN DARAH

- 3.1. Ke kerap an rungutan dan aduan-aduan melalui surat khabar mengenai keistimewaan penderma darah yang menjejaskan imej hospital-hospital KKM
- 3.2. Hospital-hospital Universiti tidak mengambilkira pendermaan darah yang dibuat di hospital-hospital KKM dan sebaliknya.
- 3.3. Seorang penderma darah mempunyai buku pendermaan dari beberapa institusi yang tidak diiktiraf antara satu sama lain.

4. CADANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH INI

Cadangan yang dikemukakan adalah merupakan hasil dari perbincangan yang telah diadakan bersama pihak KKM dan pihak Universiti.

- 4.1. Pihak hospital KKM akan terus mengikut insentif-insentif yang terkandung dalam surat Kementerian Kesihatan Bil (30) dlm KKM-203/42 bertarikh 15 Julai 1996 (sila lihat **Lampiran A**). Pihak Universiti disarankan mengikut insentif-insentif tersebut dan sebarang tambahan insentif yang diberikan oleh pihak universiti adalah di bawah tanggungjawab institusi berkenaan.
- 4.2. Pihak hospital KKM dan pihak hospital universiti hendaklah mengambilkira pendermaan yang terdahulu yang dibuat sama ada di hospital Universiti atau di hospital KKM. Contohnya jika seorang penderma telah menderma sepuluh kali di hospital kerajaan berikutnya menderma di hospital universiti, ia akan tetap diambil kira sebagai kali kesebelas dan bukan kali pertama. Begitu juga dengan keadaan sebaliknya.
- 4.3. Penderma darah hanya perlu menggunakan sebuah buku pendermaan darah yang boleh digunapakai di hospital kerajaan dan hospital universiti.

5. FAEDAH-FAEDAH CADANGAN

- 5.1. Dengan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan ini adalah diharapkan ia akan dapat mengurangkan salah faham di antara pihak penderma dan pihak hospital.
- 5.2. Ia juga akan memberi keyakinan kepada penderma darah serta meningkatkan imej pengurusan hospital di kalangan orang awam
- 5.3. Mengekalkan dan meningkatkan bilangan penderma darah tetap.

Pindaan Keistimewaan Rawatan Yang Sedang Dinikmati Oleh Penderita Darah Di Hospital-Hospital Kerajaan Mengikut Surat Kementerian Kesihatan Bil (30) dim. KKM-203/42 bertarikh 15/07/96:

KEKERAPAN MENDERMA	KEISTIMEWAAN RAWATAN
1 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan (tidak termasuk bayaran X-ray dan pembedahan) dan wad kelas dua untuk tempoh 4 bulan
2 kali (dalam tempoh 12 bulan)	Percuma suntikan pencegahan Hepatitis B
2 – 5 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 4 bulan
6 – 10 kali	Percuma rawatan pesakit luar selama 1 tahun dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 6 bulan
11 – 15 kali	Percuma rawatan pesakit luar selama 2 tahun dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 1 tahun
16 – 20 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 2 tahun
21 – 30 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 3 tahun
31 – 40 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas satu untuk tempoh 4 tahun
41 – 50 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas satu untuk tempoh 6 tahun
Lebih 50 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas satu untuk tempoh 10 tahun